



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP) 2024

**1. Apakah itu *Young Talent Development Programme* (YTP)?**

*Young Talent Development Programme* (YTP) adalah program penajaan pinjaman pelajaran berbentuk pinjaman boleh ubah di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk **pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023** bagi mengikuti pengajian bermula di peringkat Persediaan hingga ke peringkat Ijazah Pertama di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara dan universiti luar negara yang terpilih mengikut bidang tertentu.

**2. Apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Boleh Ubah?**

Pinjaman Boleh Ubah (PBU) bermaksud keseluruhan pinjaman pelajaran yang diterima boleh dipertimbangkan pengurangan (*conversion*) bayaran balik berdasarkan prestasi akademik pemohon setelah tamat pengajian tertakluk kepada dasar yang ditetapkan.

**3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon YTP?**

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal MARA, <https://educationloan.mara.gov.my>. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai pengguna baharu sebelum mengisi permohonan. Pemohon perlu **MEMBACA DAN MEMAHAMI GARIS PANDUAN PERMOHONAN YTP** yang disediakan sebelum membuat permohonan.

**4. Bilakah permohonan YTP akan dibuka?**

Permohonan dibuka selama **15 hari** mulai **27 Mei 2024 (Isnin)** sehingga **10 Jun 2024 (Isnin), 12.00** tengah hari.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP) 2024

5. Sekiranya permohonan dalam talian telah ditutup, adakah saya dibenarkan memohon secara manual menggunakan surat permohonan?

**TIDAK DIBENARKAN.** Tiada permohonan melalui surat atau borang.

6. Bolehkah saya memohon YTP 2024 sekiranya Ibu/Bapa/Penjaga/Penjamin saya dalam senarai hitam MARA?

Tidak boleh. Ibu, bapa, penjaga dan penjamin perlu bebas dari senarai hitam MARA dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan ditutup. Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon YTP.

#### **Sila hubungi Bahagian Kawalan Kredit MARA :-**

Talian Utama MARA / MARA *Call Centre* : 03-2613 2000

Talian *Careline* BAHAGIAN KAWALAN KREDIT MARA (BKK) :

03- 2613 2399 / 2288 / 2286 / 2133 / 2132 / 2131 / 2178 / 2143 / 2147

7. Dimanakah saya boleh menyemak senarai kursus dan IPT terpilih yang ditetapkan oleh pihak MARA?

Senarai program, syarat kelayakan dan maklumat pengajian yang telah ditetapkan boleh dirujuk pada **Lampiran GP2**.

8. Apakah syarat kelayakan akademik untuk melayakkan saya **DITAWARKAN** Program YTP?

Pemohon mestilah memperolehi sekurang-kurangnya Enam (6) A- laluan dalam negara dan Tujuh (7) A- laluan luar negara bagi keputusan peperiksaan SPM 2023.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP) 2024

9. **Saya mendapat 8A dalam peperiksaan SPM 2022. Bolehkah saya memohon?**  
Tidak boleh. Permohonan hanya dibuka kepada pelajar-pelajar yang telah menduduki **SPM 2023** buat kali pertama sahaja.
10. **Bolehkah saya mengguna pakai keputusan peperiksaan IGCSE atau peperiksaan lain yang setaraf untuk memohon YTP?**  
Tidak boleh. Hanya keputusan peperiksaan SPM sahaja yang akan diguna pakai sebagai syarat kelayakan akademik bagi YTP.
11. **Berapa banyak pilihan kursus yang dibenarkan untuk saya memohon?**  
Pemohon hanya dibenarkan untuk membuat **dua (2) pilihan** kursus sahaja.
12. **Bolehkan saya meminda maklumat keputusan SPM semakan semula setelah menghantar permohonan?**  
Tidak boleh. Pihak MARA akan mendapatkan keputusan SPM semakan semula daripada Lembaga Peperiksaan tertakluk kepada keputusan SPM semakan semula selesai dalam tempoh permohonan YTP diproses.
13. **Adakah pihak MARA boleh menawarkan kursus selain daripada pilihan pertama dan kedua pemohon semasa permohonan dibuat?**  
Ya. MARA berhak menawarkan kursus selain pilihan pertama dan pilihan kedua kepada pemohon berdasarkan kepada merit pemilihan serta jumlah kuota bagi sesuatu kursus. Sebarang permohonan pertukaran kursus oleh pemohon adalah **tidak dibenarkan**.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP) 2024

**14. Adakah saya wajib menduduki ujian kelayakan semasa mengisi permohonan YTP?**

Ya. Semua pemohon wajib menduduki ujian kelayakan secara dalam talian semasa mengisi permohonan YTP.

**15. Adakah saya dibenarkan untuk menduduki semula ujian kelayakan sekiranya gagal berbuat demikian semasa mengisi permohonan?**

Tidak dibenarkan. Ujian kelayakan boleh diduduki sekali sahaja semasa permohonan dibuka.

**16. Adakah saya perlu melalui proses ujian temuduga sebelum ditawarkan YTP?**

Proses temuduga hanya melibatkan kursus tertentu yang ditetapkan. Sebarang maklumat berkaitan temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon melalui e-mel atau sistem MyEduloan dari semasa ke semasa.

**17. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan dan permohonan lengkap sahaja akan dipertimbangkan untuk tawaran YTP.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP) 2024

**18. Apakah bentuk pinjaman pelajaran yang akan saya terima sekiranya permohonan YTP ini berjaya?**

Pinjaman pelajaran di bawah YTP ini merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup (ESH) dan elaun-elaun lain tertakluk pada kelulusan. Elaun Pengangkutan (pergi dan balik sekali sepanjang pengajian) hanya layak dibayar kepada pelajar Semenanjung yang melanjutkan pengajian di Sabah/Sarawak atau pelajar Sabah/Sarawak yang melanjutkan pengajian di Semenanjung (rujuk Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan MARA).

**19. Adakah elaun penginapan termasuk dalam bentuk pinjaman pelajaran yang akan diterima?**

Tidak. Pelajar dinasihatkan untuk menggunakan peruntukan Elaun Sara Hidup (ESH) bulanan secara berhemah untuk membiayai perbelanjaan makan minum, penginapan dan lain-lain.

**20. Adakah pemohon dibenarkan untuk mengikuti program Persediaan secara persendirian?**

Tidak dibenarkan. Pemohon yang berjaya ditawarkan YTP perlu mengikuti program Persediaan di institusi yang telah ditetapkan oleh MARA sahaja.

**21. Sebagai pelajar tajaan MARA di bawah YTP, bolehkah saya menukar institusi atau kursus pengajian pada peringkat Persediaan atau Ijazah Sarjana Muda?**

Tidak. Pemohon yang berjaya ditawarkan YTP perlu mengikuti pengajian peringkat Persediaan dan Ijazah Sarjana Muda di institusi atau kursus yang telah ditetapkan oleh MARA sahaja.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP) 2024

22. Adakah saya boleh mengemukakan dan menghantar permohonan YTP lebih daripada sekali?

Pemohon **TIDAK DIBENARKAN** membuat permohonan lebih daripada sekali. Pemohon juga perlu memastikan **maklumat diisi dengan lengkap dan betul** sebelum menekan butang "Hantar". Permohonan yang telah dihantar **TIDAK** boleh diubah dan dikemaskini.

23. Bolehkah saya memohon biasiswa/bantuan kewangan/tajaan pengajian pelajaran daripada agensi/badan penaja yang lain sekiranya telah memohon pinjaman pelajaran YTP?

Pemohon bebas untuk memohon biasiswa/bantuan kewangan/tajaan pengajian pelajaran daripada mana-mana agensi/badan penaja selain MARA. Namun, pelajar perlu memilih satu agensi/penaja sahaja bagi membiayai kos pengajian pada satu-satu masa.

24. Adakah saya perlu menghantar apa-apa dokumen fizikal selepas membuat permohonan secara dalam talian?

Tidak perlu. Pemohon hanya perlu mencetak slip pengesahan dan borang permohonan setelah selesai membuat permohonan untuk tujuan rujukan. Pemohon yang **berjaya dan menerima tawaran sahaja** perlu **melengkapkan dan menyediakan segala dokumentasi pada hari pendaftaran**.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP) 2024

25. **Bagaimanakah dokumen sokongan perlu dimuat naik ke dalam sistem semasa saya mengisi permohonan YTP?**

Semua dokumen sokongan perlu dimuat naik satu persatu dan disimpan (*save*) dalam format **.pdf sahaja**. Format seperti *.jpg*, *.word* dan selainnya **tidak dibenarkan** dimuat naik.

26. **Berapakah saiz kapasiti maksimum setiap dokumen sokongan yang boleh dimuat naik ke dalam sistem permohonan YTP?**

Saiz kapasiti setiap dokumen sokongan yang boleh dimuat naik ke dalam sistem adalah **tidak melebihi 10MB**.

27. **Sekiranya saya telah memuat naik semua dokumen yang berkaitan ke sistem beberapa kali tetapi masih tidak berjaya, apakah yang perlu dilakukan?**

Pemohon disarankan supaya ke *history browser* untuk memadam (*delete*) *history/cookies* bagi mendapatkan paparan yang lebih cepat dan terkini. Namun, sekiranya masih tidak boleh memuat naik dokumen tersebut, sila tukar *browser* lain (contoh *browser* : Firefox, Mozilla, Edge, Internet Explorer).

28. **Adakah semua dokumen sokongan yang dimuat naik perlu disahkan benar?**

Semua dokumen sokongan **TIDAK PERLU** disahkan benar KECUALI **surat pengesahan pendapatan** ibu/bapa/penjaga/penjamin bagi yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan/surirumah SAHAJA yang perlu disah benar.



## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP) 2024

**29. Bagaimanakah saya boleh membuat semakan keputusan permohonan YTP?**

Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar dari semasa ke semasa di e-mel pemohon yang telah didaftar dan di sistem MyEduloan.

**30. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan boleh dibuat dari pukul 09.00 pagi hingga pukul 04.30 petang (Isnin-Jumaat) seperti berikut:

- a) mengenai program, sila e-mel ke: [ytp@mara.gov.my](mailto:ytp@mara.gov.my)
- b) mengenai masalah teknikal semasa permohonan, sila e-mel ke: [ictbpp@mara.gov.my](mailto:ictbpp@mara.gov.my)

**- TAMAT -**